

19 OCT 2001

BELANJAWAN-PASARAN MODAL

MEKANISMA "CIRCUIT BREAKER" DIGUNA UTK STABILKAN PASARAN SAHAM

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan mekanisma "circuit breaker" di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sebagai usaha untuk memastikan kestabilan pasaran saham, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat di sini, beliau berkata mekanisma ini berkeupayaan untuk menghentikan sementara aktiviti dagangan apabila penurunan besar dialami ketika urus niaga.

Pemberhentian-pemberhentian ini adalah berdasarkan kepada paras pencetus yang ditetapkan terlebih dahulu, kata Perdana Menteri.

"Mekanisma ini akan memberikan ruang bernafas kepada pelabur sebelum aktiviti dagangan pasaran saham dibuka semula," katanya.

Dr Mahathir berkata ia turut bertujuan untuk mengekalkan keyakinan pelabur dan pasaran, khususnya dalam persekitaran yang tidak pasti.

BSKL telah mengalami turun naik yang ketara yang timbul daripada perkembangan-perkembangan di pasaran saham global, katanya

Sementara itu, bagi memudahkan penstruturan semula korporat, Dr Mahathir berkata Suruhanjaya Sekuriti telah melonggarkan syarat penstrukturan bagi syarikat-syarikat awam tersenarai yang bermasalah.

Langkah-langkah ini, termasuk menambah bilangan aset dengan membenarkan hartanah pelaburan berkualiti berpendapatan stabil disuntik ke dalam syarikat-syarikat ini, katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata penubuhan Amanah Pelaburan Hartanah akan memudahkan lagi usaha-usaha penstrukturan.

Bagi memperbaiki kedudukan kewangan syarikat-syarikat bermasalah, keperluan untuk beli balik saham telah dilonggarkan lagi.

Syarikat-syarikat tersenarai dengan kedudukan kewangan yang tidak memuaskan atau dengan modal terbitan di bawah paras minimum diberikan lanjutan sehingga Disember 2002 untuk mematuhi keperluan penyenaian BSKL itu. -- BERNAMA

WNZ SHY JR